

PEMULIHARAAN PENGETAHUAN TRADISIONAL: KETERANCAMAN LAGU TRADISIONAL DALAM KOMUNITI ORANG ASLI KENSU

Nor Adilah Muhamad Nizam¹, Haris Abdul Wahab², Roshidah Hassan³ & Siti Nur Edlyn Nadia Zuraiju⁴

¹Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur

^{2,3&4}Jabatan Bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti
Malaya, Kuala Lumpur

Corresponding: Nor Adilah Muhamad Nizam (adilah233@gmail.com)

ABSTRAK

Pengetahuan tradisional merupakan asas penting dalam komuniti Orang Asli yang diwarisi secara turun-temurun. Ia berfungsi sebagai medium interaksi dengan persekitaran serta hubungan dengan nenek moyang dalam mempraktikkan kehidupan seharian. Pengetahuan ini meliputi bahasa, lagu, cerita tradisional, upacara dan ritual yang mencerminkan sesebuah komuniti. Namun, arus pembangunan dan pemodenan telah menimbulkan perubahan yang memberi kesan terhadap kesinambungan pengetahuan tradisional. Kajian ini meneliti pemuliharaan lagu tradisional Orang Asli Kensu di Baling, Kedah yang semakin diancam kepupusan. Kehilangan lagu tradisional bukan sahaja menjejaskan warisan budaya, malah memberi implikasi terhadap jati diri komuniti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan temu bual separa berstruktur bersama 15 orang peserta lelaki dan perempuan yang berusia 18 hingga 69 tahun. Reka bentuk fenomenologi diaplikasikan bagi memahami fenomena keterancaman kehilangan lagu tradisi dalam komuniti Kensu serta perubahan yang berlaku terhadap kesinambungan warisan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan terhadap lagu tradisional mereka semakin berkurangan. Antara faktor yang menyumbang kepada ancaman kepupusan ialah pengaruh teknologi moden, perkahwinan campur dan penyusutan peranan tukang dalam menyampaikan lagu tradisional. Bagi menangani isu ini, langkah pemuliharaan seperti pendokumentasian, peningkatan kesedaran dalam kalangan komuniti Kensu serta memperluas hebahkan melalui platform media sosial adalah penting. Usaha-usaha tersebut diharap dapat memastikan kelangsungan pengetahuan tradisional, khususnya

lagu tradisi, agar terus diwarisi oleh generasi muda dan dikekalkan sebagai sebahagian daripada identiti budaya komuniti Kensiu.

Kata kunci: Lagu Tradisi, Komuniti Orang Asli Kensiu, Pemuliharaan, Pengetahuan Tradisional, Keterancaman Warisan

ABSTRACT

Traditional knowledge is a vital foundation in Indigenous communities, inherited from generation to generation. It functions as a medium of interaction with the environment and as a connection with ancestors in daily practices. This knowledge encompasses language, songs, oral traditions, ceremonies, and rituals that reflect the identity of a community. However, the forces of development and modernization have brought changes that affect the continuity of traditional knowledge. This study examines the preservation of Kensiu traditional songs in Baling, Kedah, which are increasingly threatened with extinction. The loss of traditional songs not only undermines cultural heritage but also has implications for community identity. This study employs a qualitative approach through semi-structured interviews with 15 male and female participants aged between 18 and 69. A phenomenological design was applied to understand the phenomenon of the threatened loss of traditional songs in the Kensiu community and the changes affecting the continuity of this heritage. The findings indicate that knowledge of traditional songs is diminishing. Contributing factors include the influence of modern technology, intermarriage, and the declining role of traditional custodians in transmitting songs. To address this issue, preservation measures such as documentation, raising awareness within the Kensiu community, and expanding dissemination through social media platforms are crucial. These efforts are expected to ensure the continuity of traditional knowledge, particularly traditional songs, so that they may be inherited by younger generations and sustained as part of the cultural identity of the Kensiu community.

Keywords: Traditional songs, Indigenous Kensiu community, preservation, traditional knowledge, endangered heritage

Pengenalan

Istilah Orang Asli di Malaysia merujuk kepada Orang Asal di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan Akta Orang Asli 1954 (akta 134) di bawah *Aboriginal Peoples Ordinance No.3, 1954* yang telah dipinda pada tahun 1974, seseorang itu dianggap sebagai Orang Asli jika; i) Mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan komuniti Orang Asli yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu, ii) Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat ketika kanak-kanak atau masih kecil oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli, atau iii) Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu suku kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan menganut kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli.

Di Semenanjung Malaysia, terdapat tiga kumpulan utama komuniti Orang Asli berdasarkan bahasa dan budaya mereka. Tiga kumpulan utama Orang Asli ialah Negrito atau dikenali juga sebagai Semang, Senoi, dan Melayu-Proto (Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2022).

Jadual 1: Kelompok Orang Asli di Malaysia

SENOI	MELAYU-PROTO	NEGRITO
Semai	Temuan	Kensiu
Temiar	Semelai	Kintak
Jah Hut	Jakun	Jahai
Che' Wong	Kanaq	Lanoh
Mah Meri	Orang Kuala	Bateq
Semoq Beri	Orang Seletar	Mendriq

Sumber: Diadaptasi daripada Portal Rasmi JAKOA (2022)

Pengetahuan tradisional mencakupi kemahiran, pemahaman, dan falsafah yang dihasilkan oleh sesebuah komuniti melalui interaksi dengan ekologi sekeliling. Pengetahuan ini menjadi asas budaya yang meliputi bahasa, pengurusan sumber, sistem klarifikasi, interaksi sosial, ritual serta amalan kerohanian (Nakashima et al., 2018). Oleh itu, pengetahuan tradisional merupakan aspek penting yang menjadi sebahagian daripada amalan hidup

kebanyakan masyarakat, khususnya komuniti Orang Asli. SanNicolas-Rocca dan Parrish (2013) menjelaskan bahawa pengetahuan tradisional juga dikenali sebagai pengetahuan tempatan atau peribumi yang merangkumi bahasa, warisan budaya seperti cerita dan lagu tradisional, tarian, upacara serta ritual yang mencerminkan kepercayaan berkaitan kerohanian, kekeluargaan, hubungan dengan tanah dan keadilan sosial.

Fenomena hakisan lagu tradisional bukan hanya dialami oleh komuniti Kensiu. Kajian oleh Chan dan Saidon (2017) mendapati minat belia Orang Asli Semai terhadap muzik sewang semakin menurun kerana pengaruh muzik popular, walaupun muzik tersebut pernah menjadi medium penting dalam ritual dan pendidikan budaya. Dapatan ini mengukuhkan hujah bahawa modernisasi serta perubahan gaya hidup memberi kesan langsung terhadap kelangsungan lagu tradisional Orang Asli. Fenomena hakisan budaya turut jelas melalui perubahan ritual sewang komuniti Bah Lut di Kampar, Perak, yang memperlihatkan bagaimana tekanan pembangunan telah mengubah bentuk dan fungsi tradisi mereka (Norlida & Mohd Hassan, 2020). Dapatan ini menguatkan hujah bahawa tekanan pembangunan dan teknologi moden memberi impak negatif terhadap kelangsungan warisan tidak ketara Orang Asli, termasuklah lagu tradisional.

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada komuniti Kensiu di Kampung Lubok Legong, Baling, Kedah, dengan meneliti bagaimana lagu tradisional mereka berdepan cabaran pemuliharaan yang berpunca daripada pelbagai faktor seperti pengaruh teknologi moden, perkahwinan campur, kelemahan peranan tukang cerita, serta perubahan minat generasi muda. Fokus ini bukan sahaja melengkapkan perbincangan tentang kehilangan warisan tidak ketara dalam kalangan Orang Asli, tetapi juga menekankan kepentingan strategi pemuliharaan yang lebih holistik untuk memastikan kesinambungan budaya generasi akan datang.

Orang Asli Kensiu

Orang Asli Kensiu boleh ditemui di negeri Kedah iaitu di Kampung Lubok Legong, Baling. Mereka merupakan salah satu daripada kumpulan Negrito dan satu-satunya komuniti Kensiu yang masih wujud di Semenanjung Malaysia. Selain itu, Orang Asli Kensiu turut mempunyai pertalian rapat dengan kelompok lain di sebelah Yala, iaitu selatan Thailand (Grimes, 2000).

Menurut Simons dan Fennig (2017), Orang Asli Kensiu juga dikenali dengan nama lain seperti *Kenseu*, *Kensiw*, *Mendi*, *Monik*, *Moniq*, *Ngok Pa*, *Orang Bukit* dan *Orang Liar*. Menurut Adilah (2020), komuniti Kensiu di

Kedah kadang-kala menyebut diri mereka sebagai *Maniq*. Seperti yang dibincangkan oleh Nagata (2005), terdapat beberapa pengkaji lain yang menggunakan istilah *Meniq*, *Mani*, atau *Maniq* dalam kajian mereka.

Komuniti Kensiu dalam kajian ini telah melalui beberapa siri perubahan sepanjang kehidupan mereka, termasuk amalan corak hidup berpindah-randah sebelum menetap di penempatan tetap. Asmah Hj. Omar (1964) menyatakan bahawa rumah mereka pada asalnya dibina menggunakan buluh dengan bumbung daripada daun pokok sagu, sama seperti kebanyakan rumah tradisional Orang Asli. Pada tahun 1967, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) membina penempatan berpola yang terdiri daripada dua deretan rumah di Kampung Lubuk Legong. Bilangan rumah meningkat kepada 25 unit pada tahun 1972 dan 14 tahun kemudian, sebanyak 44 buah rumah telah dibina. Hampir kesemua rumah yang dibina oleh JHEOA menyerupai reka bentuk rumah orang Melayu ketika itu. Alias Abd. Ghani dan Salasiah Che Lah (2015) berpendapat bahawa usaha kerajaan untuk memodenkan komuniti Kensiu telah membawa perubahan drastik terhadap corak hidup, nilai tradisional dan bahasa mereka.

Tarikan dan pengaruh teknologi moden dalam kehidupan harian telah mengakibatkan pengetahuan generasi muda terhadap tradisi semakin terhakis. Mohd. Yuszaidy et al. (2021) menjelaskan bahawa penerimaan teknologi moden seperti komputer, televisyen dan radio dalam kalangan komuniti Orang Asli Jakun secara meluas memberi tekanan terhadap usaha mengekalkan pengetahuan tradisional mereka. Pengaruh teknologi moden juga mendorong peralihan kepada bentuk hiburan baharu, sekali gus mewujudkan persaingan yang menjejaskan kelangsungan pengetahuan tradisional

Kajian Literatur

Kajian lepas mengenai komuniti Orang Asli Kensiu lebih banyak menumpukan perhatian kepada aspek penggunaan dan kepentingan bahasa Kensiu berbanding pemuliharaan lagu tradisional. Walaupun bahan rujukan khusus mengenai lagu tradisional Orang Asli Kensiu masih terhad, terdapat beberapa kajian terdahulu dan kajian kontemporari dari konteks peribumi lain yang dapat dijadikan sebagai asas perbandingan dan sokongan konseptual dalam penyelidikan ini.

Secara umum, lagu tradisional atau lagu rakyat difahami sebagai hasil ciptaan kreatif yang mencerminkan pengalaman hidup, nilai, serta corak budaya sesuatu komuniti (Forcucci, 1984). Muzik rakyat juga berkembang dan diwariskan melalui proses transmisi lisan, di mana kesinambungannya

bergantung kepada interaksi antara generasi serta peranan individu tertentu dalam komuniti seperti ketua adat atau tukang cerita (Pegg, 2001). Definisi ini menegaskan bahawa lagu tradisional bukan sekadar bentuk hiburan, tetapi merupakan medium penting dalam pemindahan pengetahuan dan pembentukan identiti budaya.

Dalam konteks komuniti Orang Asli di Malaysia, Chan dan Saidon (2017) mendapati bahawa muzik tradisional Orang Asli Semai, khususnya sewang, semakin terpinggir dalam kalangan generasi muda akibat perubahan sosioekonomi, pengaruh budaya popular, serta pertukaran agama. Fenomena ini menunjukkan bahawa ketiadaan mekanisme pemeliharaan yang sesuai boleh menyebabkan tradisi muzik semakin dilupakan. Dapatan ini selari dengan kajian Putra et al. (2021) terhadap komuniti Dayak Bahau di Kalimantan, Indonesia, yang menekankan kepentingan pendokumentasian dan penglibatan generasi muda melalui teknologi digital sebagai strategi pemuliharaan muzik tradisional. Kedua-dua kajian ini memperlihatkan bahawa pemeliharaan lagu tradisional memerlukan pendekatan yang adaptif selari dengan perubahan zaman.

Perbincangan tentang pemeliharaan lagu tradisional turut diperluaskan melalui pendekatan konseptual yang melihat warisan budaya sebagai sesuatu yang perlu terus dibangunkan. Wang (2014) mencadangkan konsep “memelihara warisan dengan mengeksploitasinya,” iaitu melindungi dan membangunkan warisan budaya agar kekal relevan serta tidak sekadar menjadi bahan pameran. Pendekatan ini membuka lebih banyak ruang kepada usaha memperkenalkan dan mempromosikan lagu tradisional dalam konteks kontemporari tanpa menafikan nilai asalnya.

Kajian-kajian terkini turut mengukuhkan peranan lagu tradisional sebagai platform pemeliharaan pengetahuan dan identiti budaya dalam komuniti Orang Asli. Menurut Lebaka (2024), kajian terhadap komuniti Bapedi di Afrika Selatan, menunjukkan bahawa muzik tradisional berfungsi sebagai amalan sosial yang memindahkan pengetahuan, kemahiran, dan nilai budaya secara kolektif. Proses pembelajaran muzik terjadi melalui sosialisasi dan peniruan, di mana hasil ciptaan lagu merupakan milik komuniti secara bersama, sekali gus menegaskan sifat kolektif dalam pemeliharaan budaya.

Selain itu, Warbrick et al. (2025) menekankan bahawa dalam komuniti Maori, lagu, nyanyian dan lafaz berirama tradisional bukan sekadar berfungsi sebagai hiburan atau persembahan budaya. Sebaliknya, elemen-elemen ini berperanan sebagai medium pembinaan, penyimpanan dan penyampaian pengetahuan tradisional. Melalui lagu dan komposisi tradisional, komuniti Maori mengaitkan identiti mereka dengan tempat asal, alam sekitar dan

warisan nenek moyang, sekali gus menyokong pemeliharaan budaya yang berakar dengan sistem pengetahuan tradisional masyarakat.

Selanjutnya, Segura dan Sekulova (2024) menjelaskan bahawa dalam kalangan komuniti Mongol di Inner Mongolia, puisi dan lagu tradisional digunakan sebagai medium untuk mempertahankan identiti dan memori kolektif dalam konteks tekanan sosiopolitik serta proses asimilasi budaya. Puisi dan lagu ini tidak berfungsi sebagai bentuk penentangan yang bersifat pertikaian atau ganas, sebaliknya menjadi bentuk perlawanan budaya yang bersifat senyap, di mana komuniti mengekalkan sejarah, identiti dan autonomi budaya mereka.

Walaupun pelbagai kajian terdahulu telah membincangkan peranan lagu tradisional dalam pemeliharaan budaya, identiti, dan pengetahuan komuniti Orang Asli dalam pelbagai konteks, kajian spesifik yang meneliti keterancaman dan pemuliharaan lagu tradisional dalam kalangan Orang Asli Kensiu masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti bentuk, fungsi, cabaran, serta usaha pemuliharaan tradisional Orang Asli Kensiu dalam menghadapi perubahan sosial dan arus pemodenan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang sesuai dengan konteks Orang Asli kerana ia membolehkan pengkaji memahami serta mendalami pengetahuan tradisional Orang Asli Kensiu dengan lebih mendalam. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan fenomenologi yang bertujuan untuk melihat, menjelaskan dan memperincikan fenomena keterancaman pengetahuan tradisional dalam konteks lagu tradisi. Kerja lapangan dijalankan dari Ogos 2022 hingga Februari 2024 di Kampung Lubok Legong, Baling, Kedah, iaitu satu-satunya penempatan Kensiu yang masih wujud di Malaysia. Semua proses pengumpulan data, transkripsi dan analisis dijalankan oleh pengkaji sendiri bagi memastikan konsistensi, etika, serta pemahaman kontekstual yang lebih mendalam terhadap lagu tradisional komuniti Kensiu.

i) Peserta

Peserta dipilih melalui persampelan bertujuan, dengan memberi tumpuan kepada individu yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman berkaitan lagu tradisional Kensiu. Seramai 15 orang peserta berumur 18 tahun ke atas terlibat dalam kajian ini. Kriteria pemilihan termasuklah berketurunan Kensiu, mempunyai kesihatan mental yang baik, serta berupaya menyampaikan lagu

tradisional yang diwarisi secara turun-temurun. Peserta terdiri daripada lelaki dan wanita, termasuk pemimpin komuniti seperti Tok Batin dan individu-individu lain, untuk memastikan kepelbagaian perspektif.

ii) Pengumpulan Data

Dua teknik utama digunakan dalam proses pengumpulan data. Pertama, temu bual mendalam berbentuk separa berstruktur yang membolehkan peserta berkongsi pengalaman dan pandangan secara terbuka. Semua temu bual dijalankan dalam bahasa Melayu dan dirakam menggunakan audio bagi menjamin ketepatan. Kedua, pemerhatian lapangan dilakukan dalam suasana semula jadi tanpa intervensi langsung, bagi membolehkan pengkaji meneliti gerak tubuh, interaksi peserta, serta amalan penyampaian lagu tradisi dalam konteks persekitaran sebenar. Proses pengumpulan data dihentikan selepas peserta ke-15 kerana pada tahap tersebut tiada tema baharu yang muncul dan data telah mencapai tahap ketepuan.

iii) Analisis Data

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik yang melibatkan beberapa peringkat seperti terjemahan transkrip dengan menggunakan perisian *Microsoft Word*, penjanaan kod, pencarian tema, penentuan definisi tema, dan menulis laporan (Braun & Clarke, 2006). Pengkaji menggunakan perisian *NVivo 14* untuk membantu proses pengkodan dan pengurusan data secara sistematik. Sebagai contoh, kod seperti pengaruh teknologi, perkahwinan campur, dan peranan tukang cerita dikenal pasti sebelum digabungkan kepada tema yang lebih besar berkaitan faktor keterancaman lagu tradisional.

Kesahan dan kebolehpercayaan data dipastikan melalui triangulasi data, iaitu gabungan temu bual, pemerhatian, dan semakan peserta untuk pengesahan. Pendekatan ini memastikan interpretasi pengkaji selaras dengan pengalaman sebenar komuniti serta mengurangkan bias peribadi.

iv) Etika Penyelidikan

Kajian ini mematuhi garis panduan etika penyelidikan. Persetujuan diperolehi daripada semua peserta, dan kerahsiaan serta privasi dijaga sepanjang proses kajian. Kelulusan etika diperolehi daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaya, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), serta pemimpin komuniti iaitu Tok Batin dan jawatankuasa kampung. Kajian ini turut berlandaskan prinsip *Free, Prior, and Informed Consent (FPIC)* bagi

menjamin hak dan autonomi komuniti Kensiu. Semua data yang diperoleh kekal sebagai hak intelektual komuniti Kensiu, pengkaji dan Universiti Malaya bertindak sebagai pemegang amanah untuk tujuan akademik semata-mata.

Dapatan dan perbincangan

Seramai 15 orang peserta telah ditemu bual bagi berkongsi pengetahuan tradisional yang dimiliki oleh komuniti Orang Asli Kensiu. Peserta terdiri daripada 10 wanita dan lima orang lelaki, 14 orang berstatus berkahwin dan seorang berstatus balu. Dari segi umur, dua peserta berusia 20 hingga 30 tahun, enam peserta 31 hingga 40 tahun, tiga peserta 41 hingga 50 tahun, dua peserta 51 hingga 60 tahun dan dua peserta 61 hingga 70 tahun. Dari aspek pendidikan, majoriti peserta hanya menamatkan persekolahan di peringkat rendah, manakala empat orang bersekolah menengah dan hanya dua daripadanya memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Semua peserta beragama Islam. Dari sudut ekonomi, lima peserta merupakan suri rumah atau tidak bekerja, tiga bekerja sebagai operator kilang, manakala selebihnya terlibat dalam pekerjaan tidak formal seperti menoreh getah, mencari hasil hutan atau mengambil upah kerja sambilan.

Berdasarkan latar belakang demografi tersebut, pemahaman terhadap lagu tradisional dapat dianalisis bagi menilai peranan serta tahap kelestariannya dalam komuniti Kensiu. Lagu tradisional berfungsi sebagai medium nasihat, kerjasama, pencarian sumber makanan, penyembuhan dan hiburan. Namun dapatan menunjukkan sebahagian peserta tidak lagi mengenali lagu tradisional, sekali gus menandakan keterancaman dan kepupusan warisan muzik lisan yang menjadi identiti budaya Orang Asli Kensiu.

a) Lagu Tradisional dalam Komuniti Kensiu

Kaedah penciptaan atau pengkategorian lagu rakyat adalah berbeza-beza, namun kaedah penyampaian kepada generasi seterusnya tetap seragam, iaitu melalui tradisi lisan (Forcucci, 1984). Kamaruddin (2024) turut menegaskan bahawa lagu-lagu rakyat berasal daripada masyarakat setempat dan diwariskan secara turun-temurun, menekankan kepentingan kesinambungan warisan budaya melalui proses transmisi lisan. Kaedah penyampaian ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap bentuk lagu itu sendiri kerana ia mudah diubah atau disesuaikan mengikut citarasa individu serta situasi semasa.

Ketika lagu-lagu tersebut didendangkan, terdapat kemungkinan berlaku salah dengar atau terlupa pada bahagian tertentu. Justeru, lagu rakyat bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga menjadi medium orang dahulu menyampaikan pengalaman harian dan pengetahuan yang mereka miliki.

Jadual 2: Profil Peserta Kajian

Kod peserta kajian	Jantina	Pekerjaan
P1	Perempuan	Tidak bekerja
P2	Lelaki	Tok Batin
P3	Lelaki	Operator kilang
P4	Perempuan	Operator kilang
P7	Lelaki	Operator kilang
P9	Lelaki	Kerja kampung
P11	Perempuan	Tidak bekerja
P15	Perempuan	Tidak bekerja

Sumber: Pengkaji

Berdasarkan hasil analisis data yang diperoleh, seramai lebih kurang lapan orang peserta daripada 15 orang menyatakan bahawa mereka masih mengetahui lagu tradisional Orang Asli Kensiu. Hal ini menjelaskan bahawa lebih separuh daripada jumlah peserta kajian yang masih memiliki pengetahuan terhadap bentuk atau tema lagu tradisional dalam komuniti mereka. Selanjutnya, pengetahuan tentang lagu tradisional dapat dibahagikan kepada beberapa kategori sub-tema seperti berikut:

Rajah 1: Sub-tema Lagu Tradisional Orang Asli Kensiu



Sumber: Pengkaji

i) *Lagu bunga dan tumbuhan*

Lagu seperti *Tak Pen* dan *Yak Lemu Melati* mencerminkan hubungan spiritual dan ekologi antara komuniti Kensiu dan alam sekitar. Ia dinyanyikan dalam konteks sewang dan kehidupan harian, menunjukkan nilai penghargaan terhadap flora sebagai sumber makanan dan ubatan. Hal ini turut dijelaskan melalui petikan verbatim P1 dan P7 di bawah:

“...Tak Pen tu dia serupa kita nak pergi bukit...kita nak cari ulam...cari ikan dan apa ka... kita cium la bau bunga tu...”

(P1/ Baling, Kedah)

“...ada lagu tradisional dalam Kensiu ni...lebih kepada lagu sewang...yang pakcik ingat nama Yak Lemu Melati yang berkaitan dengan bunga-bunga...tumbuh-tumbuhan atau buah-buahan...”

(P7/ Baling, Kedah)

Lagu-lagu tradisional ini mengandungi makna yang mendalam terhadap alam sekitar serta mencerminkan bagaimana perubahan sosial mempengaruhi proses pemindahan nilai berkaitan kelestarian alam. Hal ini sejajar dengan dapatan komuniti peribumi di Ghana, di mana lagu tradisional digunakan sebagai medium pendidikan alam sekitar di sekolah rendah untuk mengenalkan pokok-pokok asli dan nilai ekologi (Adom, 2024). Perbandingan ini menegaskan bahawa lagu bunga atau tumbuhan Orang Asli Kensiu bukan sahaja mencerminkan hubungan spiritual dengan flora, tetapi juga sebahagian daripada corak global di mana muzik tradisional berfungsi sebagai platform kelestarian pendidikan budaya dan ekologi.

ii) *Lagu haiwan*

Lagu Burung *Kawau* yang berkait dengan aktiviti memburu dan sumber makanan kini hanya diingati oleh seorang peserta kajian. Namun usaha untuk mendokumentasikan lagu tersebut mencerminkan kesedaran terhadap warisan yang hampir pupus, serta keperluan kepada pendidikan budaya bagi memulihara pengetahuan tradisional. Hal ini ditegaskan oleh P15 seperti berikut:

“...ada...yang tajuk lagu yang tahu burung Kawau...tapi tak ingat sangat la lagu tu macam mana...tapi kalau ada kesempatan jaga...mungkin tulis balik simpan macam tu...”

(P15/ Baling, Kedah)

Situasi ini sejajar dengan dapatan kajian terhadap komuniti Tsimane' di Amazon, Bolivia, di mana lagu tradisional digunakan untuk menyampaikan pengetahuan tentang hidupan liar dan aktiviti memburu (Reyes-Garcia & Fernandez-Llamazares, 2019). Lagu-lagu berkaitan haiwan dalam komuniti Kensiu bukan sahaja menyimpan ingatan dan tradisi budaya tempatan, malah menggambarkan corak global di mana masyarakat menggunakan lagu tradisional sebagai medium untuk menyimpan dan menyampaikan pengetahuan alam sekitar, hidupan liar, dan ekologi.

iii) Lagu percintaan

Lagu seperti *Tak' Kebah* dan *Yak Tanggoi* mengandungi naratif cinta serta nilai sosial yang mencerminkan hubungan antara lelaki dan wanita dalam komuniti Kensiu. Lagu-lagu ini berfungsi sebagai panduan moral dan emosi dalam konteks kehidupan tradisi. Hasil kajian menunjukkan bahawa lagu ini masih dikenali melalui tajuknya, namun tidak lagi diamalkan dalam kehidupan seharian. Situasi ini menandakan berlakunya perubahan norma sosial, sekali gus menunjukkan keperluan untuk mengintegrasikan warisan tersebut dalam pendidikan agar kekal relevan dan dapat diwarisi oleh generasi berikutnya. Berikut dipaparkan petikan verbatim daripada peserta P4 dan P11:

“...ada lagu tradisional, pernah dengar...bunga Apen tu berkisarkan bunga...Tak Kebah dan Yak Tanggoi tu berkenaan percintaan...”

(P4/ Baling, Kedah)

“...tajuk macam Yak Tanggoi juga...”

(P11/ Baling, Kedah)

Dalam komuniti Semai, lagu tradisional sewang turut mengandungi naratif sosial dan emosi yang mencerminkan hubungan dalam masyarakat (Chan & Saidon, 2017). Perbandingan ini menegaskan bahawa lagu percintaan dalam komuniti Kensiu berfungsi sebagai panduan moral dan emosi, seiring dengan peranan tradisi muzik dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang lain.

iv) Lagu ritual dan kepercayaan

Sebanyak 40 peratus peserta kajian menyatakan bahawa lagu-lagu tradisional Kensiu banyak dinyanyikan dalam konteks sewang, iaitu satu bentuk upacara ritual dan penyembuhan yang penting dalam budaya tradisi mereka. P3

menyatakan bahawa lagu-lagu yang digunakan dalam sewang adalah seperti *Bunga Apen*, *Kiaran Talen*, dan *Anak Burung*:

“...dalam Orang Asli Kensiu ada lagu tradisional. Dia punya nama tu sewang, dia punya tajuk lagu dia Bunga Apen, Kiaran Talen, lepastu Anak Burung. Tu antara tajuk yang saya boleh ingat lagi...”

(P3/ Baling, Kedah)

Seperti yang dijelaskan di bahagian atas, kebanyakan lagu-lagu yang dinyanyikan adalah semasa berlangsungnya sewang dan mempunyai pantang-larang yang mesti dipatuhi oleh komuniti Kensiu. Seperti yang dinyatakan oleh P3 sebelum ini, P7 juga menyebut bahawa lagu-lagu sewang mengandungi unsur bunga, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan, seperti dalam lagu *Yak Lemu Melati*. Menurut P7, hanya individu dewasa berumur sekitar 20 hingga 30 tahun ke atas dibenarkan menyanyikan lagu-lagu ini. Manakala, kanak-kanak dilarang terlibat dalam upacara sewang kerana dikhuatiri boleh mengganggu perjalanan majlis yang memerlukan tumpuan penuh untuk mencapai tujuan ritual tersebut. Beliau menambah, kebiasaannya upacara sewang berlangsung selama satu hingga dua minggu dan dijalankan secara berterusan selama 24 jam. Md Adam (2021) menjelaskan upacara sewang merupakan satu kepercayaan atau sebuah adat yang bertujuan menyeru roh serta semangat-semangat bagi musim-musim tertentu seperti sewang tahunan, perubatan atau menyambut tetamu. Berikut merupakan verbatim untuk menguatkan lagi dapatan tersebut:

“...ada lagu tradisional dalam Kensiu ni. Lebih kepada lagu sewang...yang pakcik ingat nama *Yak Lemu Melati* yang berkaitan dengan bunga-bunga, tumbuh-tumbuhan atau buah-buahan...biasa yang nyanyi laki atau perempuan tapi umur 20 atau 30 tahun ke atas akan nyanyi...kanak-kanak tak boleh tak mau mereka bising...takut ganggu majlis atau proses tu nanti sebab perlu fokus untuk dapatkan hasil yang baik...biasa sewang ni berlangsung selama seminggu ke dua minggu...depa buat 24 jam...”

(P7/ Baling, Kedah)

Dalam pada itu, P9 menyatakan bahawa salah satu lagu sewang yang beliau ketahui ialah *Loi Bon* atau *Tai Bon* iaitu lagu yang dinyanyikan sebagai sebahagian daripada ritual menghantar roh orang yang telah meninggal dunia ke alam akhirat. Walau bagaimanapun, beliau mengakui tidak pernah menyanyikan lagu tersebut kerana masih berada dalam usia kanak-kanak

ketika upacara sewang masih aktif dijalankan. Menurutny, lagu-lagu seperti ini seharusnya diajarkan semula kepada generasi muda agar tidak pupus ditelan zaman:

“...ada lagu sewang...tajuk Loi Bon atau Tai Bon...lagu ni dia macam nak panggil orang mati...kita nak bagi dia pergi (menghantar orang mati) lagu tu untuk orang mati...bang tak pernah nyanyi...yang biasa nyanyi orang tua tu lah..tapi dia dan meninggal dah. Masa sewang tu kena ajar budak-budak muda sekarang.”

(P9/ Baling, Kedah)

Berdasarkan dapatan dari P9 dan P11, jelas wujud cabaran dalam proses pemindahan pengetahuan antara generasi. Ramai peserta hanya mengenali tajuk lagu sahaja tetapi tidak lagi berupaya menyanyikannya. Keadaan ini secara tidak langsung mencerminkan perubahan sosial dalam komuniti Kensiu, apabila pengaruh luaran dan peralihan gaya hidup telah menjejaskan kesinambungan tradisi lisan atau ritual.

Hal ini boleh dibandingkan dengan kajian terhadap komuniti Kadazandusun Penampang di Sabah yang turut menekankan kepentingan perlindungan ekspresi budaya tradisional melalui rejim undang-undang (Tay et al., 2010). Dalam komuniti Kensiu, cabaran utama ialah kesinambungan pewarisan lisan yang semakin terhakis akibat perubahan sosial. Namun, komuniti Kadazandusun pula menekankan aspek perlindungan dasar bagi memastikan ekspresi budaya tidak ketara mereka tidak terdedah kepada eksploitasi atau kepupusan. Lebih luas lagi, Harrison (2020) menegaskan bahawa muzik masyarakat peribumi di seluruh dunia berdepan cabaran kelestarian akibat perubahan iklim, sekali gus menunjukkan bahawa isu kelestarian muzik tradisional Kensiu bukan sahaja bersifat lokal, tetapi juga berkait dengan faktor dasar dan ekologi global. Perbandingan ini menegaskan bahawa cabaran Kensiu perlu dilihat dalam kerangka yang lebih menyeluruh, merangkumi aspek pewarisan intergenerasi, perlindungan dasar, dan kelestarian ekologi.

v) Lagu mendodoi anak

Lagu dodoi dalam komuniti Kensiu berfungsi untuk menidurkan anak kecil dan kebiasannya dinyanyikan oleh orang tua. Namun, pada masa kini, lagu ini hanya dikenang sebagai memori sahaja, menandakan berlakunya kepupusan pengetahuan budaya. P2 menyatakan:

“...tajuk apa lagu ada satu tajuk arwah mak selalu menyanyi bila waktu malam...nak suruh kita masuk tidur awal...lagu usik-usik lah orang panggil...tapi apa lagu pun tok dah lama tak menyanyi...sudah lupa...”

(P2/ Baling, Kedah)

Fenomena serupa turut dilaporkan dalam kajian lagu dodoian masyarakat di Sumatera Utara, Indonesia, di mana tradisi dodoi bukan sahaja berperanan menidurkan anak, tetapi juga menyimpan nilai ilmu tempatan yang penting dalam pembentukan karakter (Harahap et al., 2020).

Secara keseluruhannya, lagu tradisional dalam komuniti Kensiu berfungsi sebagai penghubung antara manusia, alam dunia, dan alam roh. Ia juga mengekspresikan nilai budaya, kepercayaan, dan identiti sesuatu komuniti. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masih wujud individu dalam komuniti ini yang mengetahui dan mengingati lagu-lagu tersebut. Pengetahuan ini menandakan bahawa warisan ini masih tersimpan dalam ingatan beberapa orang individu tertentu, terutamanya golongan warga emas yang pernah terlibat secara langsung dalam upacara tradisi.

ii) Tidak Mengetahui Lagu Tradisional

Jadual 3: Profil Peserta Kajian

Kod peserta kajian	Jantina	Pekerjaan
P5	Perempuan	Kerja kampung
P6	Perempuan	Tidak bekerja
P8	Lelaki	Kerja kampung
P10	Perempuan	Tidak bekerja
P12	Perempuan	Tidak bekerja
P13	Perempuan	Kerja kampung
P14	Perempuan	Operator kilang

Sumber: Pengkaji

Berdasarkan jadual 3, tujuh daripada 15 peserta kajian didapati tidak mengetahui atau mempunyai pengetahuan yang terbatas mengenai lagu tradisional dalam komuniti mereka. Keadaan ini mencerminkan wujudnya jurang generasi dalam aspek pemahaman dan pewarisan pengetahuan tradisional. Berikut dipaparkan petikan verbatim daripada peserta kajian:

“...tak ada lagu tradisional Kensiu...kita orang muda...jadi kurang tahu lagu-lagu tradisional...lagi pun mak ayah pun tak pernah cerita kat kita...”

(P5/ Baling, Kedah)

“...ikutkan di suku kaum Kensiu ni tak ada nyanyi...di Lanoh pun tak ada nyanyi...cuma Temiar saja ada...”

(P8/ Baling, Kedah)

“...lagu tak ada...sewang ja ada...tajuk dia Medketok...tapi akak tak pandai nyanyi...”

(P14/ Baling, Kedah)

“...ada...cuma kak tak taulah...macam sewang tu ada dulu bila waktu malam...arwah mak dan arwah ayah akan tarik (nyanyi) sewang...tapi kak sendiri tak pernah... dari segi anak-anak muda...depa la tak ada minat ke arah tu...salah satunya...televisyen semua tu...macam susah sikit la nak bagi anak-anak tertarik dengan cerita-cerita tradisional...penerimaan mereka pun dah tak sama macam zaman kita...”

(P10/ Baling, Kedah)

Kajian ini mendapati bahawa lagu tradisional dalam komuniti Kensiu kini hanya wujud dalam bentuk tajuk dan ingatan lisan, tanpa diamalkan secara aktif atau didokumentasikan secara sistematik. Keadaan ini menunjukkan bahawa tradisi muzik Kensiu berada pada tahap yang rapuh dan bergantung sepenuhnya kepada ingatan individu, khususnya golongan warga emas.

Dari segi kandungan, lagu-lagu berkaitan tumbuhan seperti *Tak Pen* dan *Yak Lemu Melati* mencerminkan hubungan rapat komuniti Kensiu dengan alam sekitar, khususnya dari aspek spiritual dan ekologi. Lagu berunsurkan haiwan pula berkait langsung dengan aktiviti pemburuan dan sumber makanan harian, manakala lagu percintaan menyampaikan nilai sosial dan emosi dalam kehidupan bermasyarakat. Selain itu, lagu ritual memainkan peranan penting dalam upacara penyembuhan tradisional, manakala lagu dodoi anak, walaupun masih diingati, didapati hampir tidak difahami oleh kebanyakan peserta. Situasi ini menandakan berlakunya gangguan dalam rangkaian pemindahan budaya antara generasi.


Berbeza dengan komuniti Orang Asli Semelai di Tasik Bera, Pahang, muzik tradisional mereka telah didokumentasikan melalui pendekatan ekologi yang mengintegrasikan bunyi alam ke dalam muzik menggunakan instrumen seperti *rebab*, *keranting* dan *gambang*. Pendekatan ini bukan sahaja mengekalkan identiti budaya, malah menzahirkan imaginasi kreatif terhadap persekitaran semula jadi (Chan, 2005). Begitu juga dengan komuniti Banyumas di Indonesia yang berjaya mengekalkan identiti budaya melalui dokumentasi sistematik dan pengintegrasian lagu tradisional dalam seni persembahan, sekali gus menjadikan muzik sebagai medium penting dalam menghadapi cabaran globalisasi (Muftihah et al., 2024). Sebaliknya, komuniti Kensiu masih bergantung sepenuhnya kepada ingatan lisan tanpa sokongan teknologi atau dokumen formal. Keadaan ini meningkatkan risiko kehilangan lagu tradisional mereka dalam jangka panjang dan menjejaskan kesinambungan warisan budaya tidak ketara.

Secara keseluruhannya, perbandingan ini menunjukkan bahawa komuniti Kensiu berada dalam kedudukan yang lebih terdedah kepada kepupusan warisan budaya. Oleh itu, satu pendekatan yang strategik dan menyeluruh amat diperlukan, termasuk pendidikan intergenerasi, dokumentasi digital yang sistematik dan penglibatan aktif komuniti, bagi memulihkan dan mengekalkan nilai ekologi dan sosial yang terkandung dalam lagu-lagu tradisional Kensiu.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa faktor utama dikenal pasti sebagai penyumbang kepada keterancaman lagu tradisional dalam komuniti Orang Asli Kensiu. Faktor-faktor ini saling berkait rapat dengan perubahan sosial, perkembangan teknologi serta peranan individu dalam proses pemindahan pengetahuan budaya. Penjelasan berikut merumuskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh komuniti Kensiu, seperti yang digambarkan secara visual dalam Rajah 2.

Rajah 2: Faktor keterancaman lagu tradisional Orang Asli Kensiu



Sumber: Pengkaji

Setiap komuniti memiliki pengetahuan tradisional yang menjadi lambang identiti sesebuah bangsa, diturunkan dari generasi ke generasi sejak zaman nenek moyang. Namun, arus kemodenan telah menjejaskan minat terhadap lagu tradisional dalam kalangan generasi muda. Hiburan moden yang mudah diakses melalui telefon pintar dan media sosial seperti *TikTok*, *Instagram* dan *Facebook* menjadikan mereka lebih cenderung kepada muzik kontemporari berbanding tradisi lisan. Situasi ini menyebabkan fungsi hiburan tradisional yang diwarisi turun-temurun semakin terpinggir dan berisiko hilang daripada kehidupan Orang Asli Kensiu.

Selain itu, perkahwinan campur dalam komuniti Kensiu juga merupakan salah satu faktor kepada keterancaman lagu tradisional. Apabila berlakunya perkahwinan campur dalam komuniti Orang Asli, maka mereka akan berasimilasi dengan sebuah budaya dan tradisi baharu. Perkara ini akan menjadi semakin parah apabila wanita dari sesebuah komuniti Orang Asli yang berkahwin campur kerana mereka akan mengikuti suami dan meninggalkan kampung halaman. Menurut Mohd. Yuszaidy et al. (2021) perkahwinan campur akan memberi satu kesan buruk terhadap budaya mereka sendiri kerana mereka lebih cenderung untuk mengikuti budaya baharu dari pasangannya itu. Tambahan lagi, generasi muda yang lahir daripada perkahwinan campur lebih cenderung untuk tidak mengetahui pengetahuan tradisional yang dibawa oleh nenek moyang mereka (Mohd. Yuszaidy et al., 2021).

Peranan tukang cerita itu sendiri penting dalam mana-mana komuniti. Tukang cerita bertanggungjawab dalam menyampaikan pengetahuan tradisional kepada anak-anak muda supaya mereka meneruskan tradisi tersebut. Tetapi, jika tukang cerita tidak memainkan peranannya maka hilanglah sebuah khazanah yang berharga. Dalam situasi komuniti Orang Asli Kensiu, ibu bapa memainkan peranan penting untuk meneruskan khazanah

tersebut dengan menyampaikannya kepada anak-anak mereka. Kini, situasi ini boleh dilihat sedang terjadi dalam komuniti Kensiu apabila terdapat peserta kajian yang tidak lagi mengetahui kewujudan lagu tradisional mereka. Menurut salah seorang peserta kajian, lagu tradisional tidak pernah disampaikan kepadanya dan sebab itu beliau menyatakan tidak mengenali lagu tradisional dalam komuniti Kensiu.

Akhir sekali, peranan setiap individu dalam sesebuah komuniti adalah sangat penting untuk memastikan tahap kelangsungan pengetahuan tradisional untuk generasi masa hadapan. Walaupun proses mendalami lagu tradisional adalah satu proses yang sukar, perkara tersebut haruslah dilakukan juga demi memastikan aset tersebut sentiasa terpelihara dan hidup. Situasi ini boleh dibandingkan dengan komuniti peribumi di Zimbabwe, di mana kelemahan sistem perlindungan tradisional dan ketiadaan pengetahuan tentang hak harta intelek telah menyebabkan muzik peribumi terdedah kepada eksploitasi oleh pihak luar mahupun tempatan (Matiure & Maguraushe, 2025). Perbandingan ini menegaskan bahawa selain faktor dalaman seperti perubahan sosial dan perkahwinan campur, komuniti Kensiu juga berisiko sekiranya tiada mekanisme perlindungan dasar yang jelas untuk melindungi warisan muzik mereka.

Langkah Pemuliharaan Lagu Tradisional

Langkah pemuliharaan perlu dijalankan oleh mana-mana pihak yang berkaitan supaya lagu tradisional Orang Asli Kensiu yang unik dapat dihargai. Liu et al. (2010) memberi pendapat bahawa usaha-usaha memulihara ini boleh dilakukan dalam pelbagai kaedah tidak kira melalui seorang individu mahupun berkumpulan supaya pengetahuan tradisional dapat dikekalkan kedudukannya. Justeru, antara langkah pemuliharaan yang boleh dilihat adalah dari segi material budaya, kesedaran dan pendidikan.

Usaha pemuliharaan lagu tradisional komuniti Orang Asli memerlukan satu usaha yang berterusan untuk memastikan kelangsungannya dalam komuniti itu sendiri. Kajian Harun Narasid et al. (2025) menunjukkan bahawa lagu tradisional masyarakat Orang Asli mempunyai nilai budaya dan pendidikan yang signifikan, khususnya dalam memupuk kesedaran budaya dalam kalangan generasi muda melalui penglibatan langsung komuniti. Sehubungan itu, usaha pendokumentasian lagu-lagu tradisional melalui kerjasama antara komuniti Orang Asli Kensiu dan pihak berkepentingan dilihat sebagai satu langkah strategik untuk menyokong pemindahan ilmu secara sistematik. Pendokumentasian ini boleh dilaksanakan dalam bentuk pangkalan data digital yang direka secara minimal dan mesra pengguna agar

mudah dicapai oleh komuniti, terutamanya generasi muda, sekali gus menyumbang kepada kesinambungan warisan lagu tradisional tersebut.

Seterusnya, usaha mewujudkan kesedaran di kalangan Orang Asli Kensiu tentang kepentingan memelihara lagu tradisional perlu dipergiatkan. Komuniti Orang Asli seharusnya diberikan pendedahan terhadap kepentingan menjaga warisan budaya nenek moyang yang sering diabaikan (Azizalfarizy, 2012; Mohd Sam & Seow, 2013). Usaha mewujudkan kesedaran ini penting supaya lagu tradisional dapat dilindungi dan dipelihara. Langkah mewujudkan kesedaran tidak boleh melibatkan hanya seorang individu sahaja, tetapi harus dilaksanakan secara berkumpulan supaya komuniti Kensiu sedar akan kepentingan menjaga ilmu warisan yang terancam ini. Pendedahan boleh dijalankan dalam bentuk karnival pameran yang diadakan secara tahunan dengan pengisian pengetahuan tradisional. Acara sebegini berpotensi menarik golongan muda untuk terus mendekati dan mempelajari ilmu warisan mereka, terutamanya dalam konteks lagu tradisi.

Pemuliharaan lagu tradisional juga perlu mengetengahkan usaha dari aspek hebahan di platform media di mana platform ini menjadi trend golongan muda berhibur. Usaha ini harus melibatkan kerjasama beberapa pihak seperti orang berpengetahuan dalam media sosial, golongan muda dan tukang cerita. Penghasilan kandungan cerita yang menarik serta kreatif akan mendekatkan dan menarik perhatian golongan muda untuk mempelajari pengetahuan tradisional yang ada dalam komuniti mereka. Penglibatan media sosial dapat memberikan impak positif dalam menghebahkan lagu tradisional, capaiannya bukan sahaja dapat menarik minat generasi muda Orang Asli Kensiu, malahan masyarakat luar juga boleh melihat dan mempelajari warisan seni yang ada dalam komuniti Orang Asli di Malaysia.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa lagu tradisional Orang Asli Kensiu berdepan cabaran besar akibat pengaruh teknologi moden, perubahan gaya hidup, perkahwinan campur, serta kelemahan mekanisme pemindahan pengetahuan antara generasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tradisi lisan bukan sahaja berfungsi sebagai medium hiburan, malah sebagai wadah pendidikan budaya, identiti komuniti, dan simbol keunikan Orang Asli. Sekiranya tradisi ini tidak dipelihara, maka hilanglah sebahagian daripada identiti budaya yang menjadi asas kepada kesinambungan komuniti Kensiu.

Implikasi kajian ini menuntut perhatian serius daripada pelbagai pihak, termasuk institusi pendidikan, agensi kerajaan, dan komuniti itu sendiri. Dari sudut pembangunan komuniti, usaha pemuliharaan perlu diintegrasikan ke dalam program pembangunan komuniti Orang Asli bagi memastikan mereka tidak terpinggir oleh arus kemodenan. Dari sudut pendidikan, tradisi lisan boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan aktiviti kokurikulum di sekolah, sekali gus mendekatkan generasi muda dengan warisan budaya mereka. Dari sudut pemuliharaan, strategi holistik perlu dirangka melalui pendokumentasian digital lagu-lagu tradisional, penganjuran program kesedaran seperti karnival tahunan, serta penggunaan media sosial sebagai platform hebahan untuk menarik minat generasi muda dan masyarakat luar.

Selain itu, kajian ini berpotensi membuka ruang kepada penyelidikan masa hadapan yang lebih luas. Antaranya termasuk usaha pendigitalan arkib lagu tradisional Kensiu melalui pembangunan pangkalan data yang mudah diakses oleh komuniti, kajian terhadap mekanisme pemindahan pengetahuan antara generasi, serta penerokaan kaedah kreatif untuk menghidupkan semula tradisi lisan dalam konteks moden. Penyelidikan lanjutan juga boleh memberi tumpuan kepada perbandingan dengan komuniti Orang Asli lain atau masyarakat peribumi di rantau Asia Tenggara bagi memahami persamaan atau perbezaan cabaran dalam pemuliharaan warisan budaya tidak ketara.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan di bawah projek penyelidikan *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dengan kod projek FP116-2020. Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan biaya yang diberikan sepanjang projek ini dijalankan. Pengkaji juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada komuniti Orang Asli Kensiu di Lubok Legong, Baling kerana kesudian mereka dalam menyertai kajian yang dijalankan ini serta pihak JAKOA kerana telah memberi kebenaran untuk menjalankan kajian di penempatan Orang Asli Kensiu, Baling, Kedah.

Rujukan

- Adilah, A. (2020). *An instrumental study of front oral and monophthongs in Kensiu* (Master's thesis, Universiti Malaya). Universiti Malaya Repository.
- Adom, D. (2024, March). *Understanding native trees through indigenous songs in Ghanaian elementary school environmental education*. Paper presented at the 21st Urban Culture Research Forum "Urban Voices", Faculty of Fine and Applied Arts, Chulalongkorn University, Thailand, and Urban Resilience Research Center, Osaka Metropolitan University, Japan.
- Alias Abd Ghani & Salasiah Che Lah. (2015). The Semang Kensiu Orang Asli of Lubok Legong, Baling: Their language and cultural endangerment. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 208, 21-30. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2015.11.177>
- Asmah Haji Omar. (1964). *Bahasa Semang: Dialek Kentakbong*, Unpublished honours thesis. University of Malaya, Department of Malay Studies.
- Azizalfarizy. (2012). Melestarikan dan Menjaga Aset Bangsa. Diakses pada Mei 7, 2024, daripada <https://azizalfarizy.wordpress.com>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Chan, C. C. S. (2005). *The lakes, forests and the people: Sources of inspiration for the compositions of music and songs among the Semelai people of Tasek Bera, Pahang* [Unpublished research report]. https://www.researchgate.net/publication/23741782_The_Lakes_For_ests_And_The_People_Sources_of_Inspiration_for_the_Composition_s_of_Music_and_Songs_Among_the_Semelai_People_of_Tasek_Ber_a_Pahang
- Chan, C.C.S., & Saidon, Z. L. (2017). Advocating Contemporary Traditional Indigenous Semai Music through an Exploration of Youth Interest. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, Vol. 7, No. 7. ISSN: 2222-6990. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i7/3114>
- Forcucci, S. L. (1984). *A folk song history of America: America through its songs*. Englewood Cliffs, NY: Prentice-Hall Inc.

- Grimes, B. F. (2000). *Ethnologue*. Dallas, TX: SIL International.
- Harun Narasid, S. N. K., Abdul Rahman, M. N., Harun, N. H., & Zulkipli, M. Z. A. (2025). *Aplikasi lagu tradisi masyarakat Orang Asli dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah*. Dalam *Seminar Kebangsaan Pendidikan Awal Kanak-kanak: Perkembangan dan Pengurusan Kurikulum 2025 – Melentur buluh biarlah dari rebungunya*. ResearchGate. Diakses pada Disember 15, 2025, daripada <https://www.researchgate.net/publication/388357946>
- Harahap, N., Kahar, I. A., & Nasution, L. H. (2020). *Preservation of lullabies songs in forming character based on local wisdom*. In *Proceedings of the International Conference of Science, Technology, Engineering, Environmental and Ramification Researches (ICOSTEERR 2018) – Research in Industry 4.0*. SCITEPRESS. <https://www.scitepress.org/Papers/2018/100794/100794.pdf>
- Harrison, K. (2020). Indigenous music sustainability during climate change. *Current Opinion in Environmental Sustainability*, 43, 28–34. <https://doi.org/10.1016/j.cosust.2020.01.003>
- Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA). (2022). Diakses pada Mei 10, 2024, daripada <https://www.jakoa.gov.my/orang-asli/suku-kaum/>
- Kamaruddin, N. J. (2024). Kepentingan Lagu-Lagu Rakyat dalam Pendidikan Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17, 157-165. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.sp2.16.2024>
- Matiure, P., & Maguraushe, W. (2025). Indigenous music research: Tradition and modern protection systems in Zimbabwe. *Ethnomusicology Journal*, 8(2), 232–247. <https://dergipark.org.tr/en/download/article-file/5050986>
- Md Adam, N. F. (2021). Sistem Kepercayaan Orang Asli Kensiu di Kampung Lubuk Legong, Kedah. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 54-62. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.2.6.2021>
- Mohd. Sam, S. A., & Seow, T. W. (2013). Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-4. Anjuran Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Sultan Pendidikan Idris.

- Mohd Yuszaidy M. Y., Suffian Mansor, Karim Harun, & Mohd Rodzi A. R. (2021). Masyarakat Orang Asli Jakun di Rompin, Pahang: Kajian terhadap pemuliharaan cerita lisan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 355-365.
- Muftihah, N., Sumarwati, & Rakhmawati, A. (2024). *Preservation of Banyumas' indigenous culture embodied in traditional songs. International Journal of Arts and Social Science*, 7(5). Retrieved from <https://www.ijassjournal.com/2024/V7I5/41466639341.pdf>
- Nakashima, D., Krupnik, I., & Rubis, J.T. (2018). *Indigenous knowledge for climate change assessment and adaptation*. Cambridge University Press.
- Nagata, S. (2005). Subgroup 'names' of the Sakai (Thailand) and the Semang (Malaysia): a literature survey. *Anthropological Science*, 114(1), 45-57.
- Norlida, M. J., & Mohd Hassan, A. (2020). Perubahan dalam ritual *Siwang* kumpulan Bah Lut, Kampung Bukit Terang, Kampar, Perak. *KEMANUSIAAN: the Asian Journal of Humanities*, 27(1), 25-43. <https://doi.org/10.21315/kajh2020.27.1.2>
- Lebaka, M. E. K. (2024). The Understanding of Indigenous Knowledge as Indigenous Practice, Skill and Know-How: The Case of Communal Music-Making in Bapedi Culture as a Social Practice. *European Journal of Social Science Education and Research*, 11(2), 1-14. <https://doi.org/10.26417/vtwts124>
- Liu, P. O., Nur Hafizah Y., & Sharina A. H. (2010). *Menjejak Semangat 'Kawi': Langkawi sebagai Geopark*. Akademika: 55-68.
- Pegg, C. (2001). Folk music. Grove Music Online. Diakses pada Mei 7, 2024, daripada <https://doi.org/10.1093/gmo/9781561592630.article.09933>
- Putra, B. A., Max, J. I. S. D., & Vivian, Y. I. (2021). Sustainability of Indigenous Music Culture through Video Documentation. *Jurai Sembah*, 2(1), 14-21.
- SanNicolas-Rocca, T. & Parrish, J. (2013). Using Social Media to Capture and Convey Cultural Knowledge: A Case of Chamorro People. In *Proceedings of the 46th Hawaii International Conference on System sciences (HICSS)* (2013). IEEE.

- Reyes-García, V., & Fernández-Llamazares, Á. (2019). Sing to learn: The role of songs in the transmission of Indigenous knowledge among the Tsimane' of Bolivian Amazonia. *Journal of Ethnobiology*, 39(3), 460–477. <https://doi.org/10.2993/0278-0771-39.3.460>
- Segura, J., & Sekulova, F. (2024). *Inner Mongolian poetry and song as a form of resistance*. **Political Geography**, 103, 103214. <https://doi.org/10.1016/j.polgeo.2024.103214>
- Simons, G. F., & Fennig, C. D. (Eds.). (2017). *Ethnologue: Languages of Asia*. Dallas, Texas: SIL International.
- Tay, P. S., Hussin, H., Khaw, L. T., Md Nor, M. A., & Bulan, R. (2010). Protecting the traditional cultural expressions of indigenous peoples: A case study of the Kadazandusun Penampang community in Sabah, Malaysia. *Borneo Research Journal*, 4(12), 147–168.
- Wang, Y. (2014). A study on measures of preservation of cultural heritage of Chinese folk music. Proceedings of the International Conference on Education, Language, Art, and Intercultural Communication, 576-578. <https://doi.org/10.2991/icelaic-14.2014.145>
- Warbrick, I., Johnson, T., Ka'ai-Mahuta, R., Bennett-Huxtable, M., & Smith, V. (2025). *Indigenising "research" and reconnecting knowledge to place: Indigenous compositions, songs, and chants as research methods*. **International Journal of Qualitative Methods**, 24, 1–8. <https://doi.org/10.1177/1609406925133721>